JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of
Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 5 (2) | DISEMBER 2025: 81-105
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 10 Jun 2025 Diterima: 20 Oktober 2025 Atas Talian: 4 November 2025

PEMERKASAAN AKIDAH TERAS KELESTARIAN INSAN MENUJU MASYARAKAT MADANI

EMPOWERMENT OF FAITH AS THE FOUNDATION FOR SUSTAINABLE HUMANITY TOWARDS A CIVIL SOCIETY

[*i-ii]Farahwahida Mohd Yusof, [ii]Zulkiflee Haron, [iii]Zilal Saari, [iv]Ahmad Muhyuddin Hassan

[i,ii,ii,ivi]Akademi Tamadun Islam,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

[ii,iii]Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFiRST), UTM, 81310 Johor, Malaysia

Corresponding author: [*]farahwamy@utm.my

DOI: https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v4.272

ABSTRAK

Akidah merupakan asas utama dalam pembentukan keperibadian insan yang seimbang dan berintegriti. Namun, dalam arus globalisasi dan kemajuan teknologi, umat Islam khususnya generasi muda semakin terdedah kepada cabaran ideologi sekularisme, pengaruh media digital yang tidak terkawal, serta gejala sosial yang melemahkan nilai dan identiti Islam. Masalah ini menimbulkan kebimbangan terhadap kelangsungan jati diri umat Islam dan kelestarian masyarakat madani. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kepentingan pemerkasaan akidah dalam menghadapi cabaran semasa serta mencadangkan strategi berkesan ke arah pembentukan masyarakat madani yang berteraskan nilai Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan terhadap sumber primer seperti al-Quran, hadis serta kajian literatur berkaitan isu-isu kontemporari umat Islam. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan pendidikan berterusan, peranan tokoh berakhlak tinggi sebagai contoh ikutan, dan pemanfaatan media Islamik merupakan strategi utama dalam memperkukuh kefahaman dan penghayatan akidah secara holistik. Pembinaan masyarakat madani yang mampan tidak boleh dipisahkan daripada asas akidah yang kukuh, berpaksikan al-Quran dan sunnah serta dibimbing dengan nilai ihsan dan takwa. Justeru, pemerkasaan akidah adalah agenda utama ke arah melestarikan potensi insan bagi menjamin kesejahteraan ummah dan kestabilan negara.

Kata kunci: Akidah, kelestarian insan, masyarakat madani, sekularisme, pendidikan Islam, media Islamik, pembangunan spiritual

ABSTRACT

Aqidah (Islamic creed) serves as the fundamental basis in shaping a balanced and upright human personality. However, in the era of globalization and rapid technological advancement, Muslims particularly the younger generation are increasingly exposed to the challenges of secular ideologies, the unchecked influence of digital media, and social issues that undermine Islamic values and identity. This situation raises concerns regarding the continuity of the Muslim identity and the sustainability of a civilised society (madani). The objective of this study is to identify the significance of strengthening aqidah in addressing current challenges and to propose effective strategies for building a madani society grounded in Islamic values. This study adopts a qualitative approach through content analysis of primary sources such as the Qur'an, Hadith, and relevant literature on contemporary issues faced by the Muslim community. The findings reveal that continuous education, the exemplary role of ethical and virtuous figures, and the strategic use of Islamic media are key strategies in enhancing comprehensive understanding and internalisation of aqidah. A sustainable madani society cannot be separated from a solid foundation of aqidah, rooted in the Qur'an and Sunnah, and guided by the values of *ihsan* and *taqwa*. Therefore, empowering aqidah is a crucial agenda to unlock human potential and ensure the well-being of the ummah and the stability of the nation.

Keywords: Aqidah, human sustainability, *madani* society, secularism, Islamic education, Islamic media, spiritual development

PENDAHULUAN

Tanggal 19 Januari 2023, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan Malaysia MADANI sebagai kerangka dasar negara untuk mengangkat semula martabat Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, dihormati dan berdaya tahan. Di bawah tajuk '*Kerangka Dasar MADANI*', YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim (2023) menegaskan bahawa:

> "*Enam rukun utama MADANI; kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, merupakan cerakinan daripada perintah Allah SWT yang terkandung dalam al-Qur'an al-Majid serta cerminan daripada keperibadian dan ketokohan junjungan besar baginda Nabi Muhammad ﷺ.*"

Berteraskan enam tonggak utama, kerangka ini diharapkan mampu membawa perubahan positif ke arah sebuah negara yang sejahtera, berdaya saing dan maju. Selaras dengan matlamat tersebut, setiap individu perlu mempersiapkan diri untuk berubah secara holistik, demi menjamin kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara pada masa hadapan. Transformasi ini menuntut kepada pemerkasaan diri sebagai langkah awal dalam membina masyarakat yang berintegriti dan berakhlak mulia. Justeru, akidah yang mantap

merupakan tunjang kepada akhlak mulia dan keluhuran budi pekerti hingga membuahkan modal insan yang berintegriti, ihsan serta berdaya saing.

Pemerkasaan akhlak merupakan intipati utama dalam membentuk masyarakat madani. Akhlak yang terpuji lahir dari akidah yang sejahtera hingga mencerminkan kualiti diri seseorang dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat sekeliling. Pemerkasaan diri perlu diiringi dengan pengabdian kepada Allah SWT dan bersifat zuhud; iaitu menjauhi keterikatan kepada dunia secara berlebihan. Amalan ini bukan sahaja mendekatkan diri kepada Allah SWT, malah menyucikan jiwa, memperkukuh akidah serta membentuk keperibadian unggul yang menjadi ciri ummah berkualiti.

KONSEP AKIDAH

Secara etimologi, perkataan akidah berasal dari ungkapan bahasa Arab *'aqada*, *ya'qidu*, *'aqdan* yang membawa makna simpulan atau ikatan (Ibn Manzur, 1863H) teguh kukuh yang menerbitkan ideologi atau kepercayaan. Digunakan juga perkataan ini kepada aspek-aspek bersifat maknawi dan juga fizikal seperti dikatakan *'aqada al-habla* yang bermaksud menyimpulkan tali. Allah SWT berfirman:

وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ

> Maksud: "*Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan).*" (Surah al-Falaq,113:4)

Penggunaan *'aqad* ini dari aspek bahasa biasa dipakaikan kepada (i) simpulan tali seperti ungkapan: *'aqdu al-ḥabli* (ii) Mengikat persetujuan seperti dalam aspek jual-beli. Contohnya ungkapan: *'aqdu al-bay'i* (iii) Mengikat perjanjian, seperti ungkapan: *'aqdu al-'ahdi* (al-Razi, 1982) dan (iv) Mengikat tali perkahwinan, seperti yang diungkapkan dalam perkataan: *'aqdu an-nikāḥi***.**

Keseluruhan penggunaan contoh di atas menggambarkan suatu ikatan, simpulan yang kukuh, teguh dan tidak longgar atau terurai. Andaikata longgar atau terurai akan rosaklah ikatan tersebut. Sepertimana simpulan tali yang telah diikat kalau terurai akan terlucutlah objek yang diikat. Sementara perkataan *al-'aqidah* apabila dikatakan *walahu ʿaqīdah* iaitu, "dan baginya ada akidah", yakni pegangan atau kepercayaan yang diikat kukuh. Dengan kata lain, ikatan kepercayaan yang baik lagi sejahtera jauh daripada sebarang syak ataupun ragu (al-Fayyumi, t.t.).

Dalam segi istilah, Sayyid Sabiq (1974)) menyebut akidah bermakna membenarkan sesuatu dan benar-benar yakin dengannya tanpa ada rasa syak atau ragu. Ia bererti keimanan seperti dikatakan: *aʿtaqidu fī kazā* iaitu, *bihi āmana*. Ertinya saya beriktikad begini iaitu, saya beriman dengannya. Manakala perkataan iman pula bermakna *tasdiq* (membenarkan) seperti ungkapan:

آمن بالشئ أى صدق به تصديقا لا ريب ولا شك معه.

> Maksud: "*Telah beriman dengan sesuatu ertinya telah membenarkannya dengan pembenaran yang tidak ada keraguan padanya dan tiada syak bersamanya*."

Muhammad Khalil Harras (1407H) menjelaskan bahawa akidah bermakna simpulan *ḍamir* dan hati serta tunduk kepada Allah SWT dengannya. Asalnya menyimpulkan tali, kemudian dipakaikan pada *al-tasmim* (pengukuhan dan pemantapan) serta kepercayaan yang *jazim*. Dengan kata lain ia ditujukan kepada *tasdiq* (pembenaran) serta apa yang diyakini oleh manusia dari urusan-urusan bersifat keagamaan.

Justeru akidah boleh disimpulkan sebagai keyakinan atau kepercayaan yang teguh tanpa sebarang keraguan terhadap perkara-perkara ghaib seperti wujudnya Allah SWT, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul, hari kiamat dan qada' dan qadar tanpa sebarang keraguan. Bukti ketiadaan keraguan ini dizahirkan daripada kepatuhan melaksanakan apa jua yang telah diikrarkan dalam pengakuan لااله الا الله.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan (*content analysis*) bagi meneliti dan memahami konsep pemerkasaan akidah sebagai asas kepada kelestarian insan dalam pembinaan masyarakat Madani. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menelusuri makna, nilai dan prinsip akidah Islam dengan menumpukan kepada tafsiran tekstual dan kontekstual sumber-sumber utama Islam iaitu al-Quran dan hadis. Analisis dijalankan secara sistematik terhadap ayat-ayat dan hadis-hadis yang berkaitan dengan tauhid, keimanan dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di atas muka bumi bagi mengupas asas spiritual yang menjadi teras kepada kesejahteraan individu dan masyarakat.

Selain itu, kajian ini turut melibatkan analisis literatur sekunder daripada karya sarjana klasik dan kontemporari yang membincangkan isu-isu akidah, moral dan cabaran global terhadap umat Islam masa kini. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik bagi mengenalpasti corak pemikiran dan strategi pemerkasaan akidah yang relevan dengan konteks masyarakat madani. Hasil daripada pendekatan ini diharapkan dapat memperkukuh kefahaman tentang hubungan antara keutuhan akidah dan pembangunan insan yang seimbang dari sudut spiritual, intelektual dan sosial sekali gus menjadi panduan bagi pembentukan dasar serta program pendidikan yang berteraskan nilai Islam sejati.

AKIDAH SEBAGAI PEMANGKIN KELESTARIAN INSAN

Akidah yang mantap menjadi teras penting terhasilnya kesejahteraan diri dan masyarakat. Usaha-usaha memperkukuhkan akidah wajar diberi keutamaan terutama dalam sistem pendidikan. Metode pendidikan dalam akidah adalah dengan memahami ilmu-ilmu asas Islam serta mengamalkannya, bukan dengan jalan perdebatan (metode Ilmu Kalam). Imam al-Ghazali (1990) menegaskan:

> "*Jalan menguatkan dan memperkukuhkan akidah bukanlah dengan mengajarkan cara berdebat dan pembuktian ala Ilmu Kalam. Malahan dengan memperbanyak bacaan al-Quran serta tafsirannya dan meneliti hadis-hadis serta pengertiannya. Juga dengan menekuni mengerjakan ibadat. Maka sentiasalah keyakinan itu bertambah meresap disebabkan dalil-dalil al-Quran yang mengetuk pintu hati dan telinga, serta kesaksian-kesaksian hadis yang didengar dan dibaca dengan faedah-faedah yang terkandung di dalamnya. Juga oleh cahaya ibadat yang memancar ke hati waktu melaksanakannya; selain itu ia terhasil dengan bergaul bersama-sama orang-orang soleh dan duduk dalam majlis-majlis mereka, hal ini menimbulkan rasa tunduk, takut dan taat kepada Allah serta melekat dalam dirinya*."

Individu yang memiliki akidah yang kukuh akan memiliki ketahanan spiritual dan kestabilan emosi. Mereka mampu menghadapi ujian hidup dengan sabar, reda dan bertawakal, serta menghindari perkara-perkara mungkar.

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ

Maksud: "*Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit."* (Surah *Ibrahim*, 14:24)

Ayat ini menggambarkan insan yang mempunyai keteguhan akidah akan membuahkan amal yang bermanfaat untuk dirinya dan masyarakat.

a) Kefahaman akidah yang jelas

Hakikatnya, Islam merupakan satu-satunya cara hidup yang unggul. Tiada sistem hidup lain yang lebih baik daripada cara hidup yang telah digariskan oleh Islam, kerana Islam adalah kurniaan Allah SWT. Syariat Islam pula merangkumi segala keperluan dan kehendak fitrah semula jadi manusia. Manakala akidah yang mantap akan membentuk jiwa yang kukuh, hati yang tenang, dan fikiran yang waras. Individu yang berpegang teguh kepada akidah Islam akan mempunyai panduan dalam setiap aspek kehidupannya, sama ada dalam ibadah, muamalah, akhlak mahupun tanggungjawab sosial. Akidah bukan sekadar pegangan kepercayaan terhadap yang ghaib, tetapi turut merangkumi aspek keyakinan terhadap keadilan, kasih sayang dan hikmah dalam setiap ketentuan Allah SWT.

Akidah merupakan asas utama dalam kehidupan seorang Muslim. Ia bukan sahaja menjadi teras kepada keimanan, bahkan memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi dan masyarakat yang bertamadun. Manakala kelestarian insan dalam Islam tidak hanya merujuk kepada kelangsungan fizikal atau sosial semata-mata, tetapi lebih mendalam ia berkait rapat dengan ketundukan kepada Allah SWT serta pembentukan jiwa dan akhlak mulia. Asas utama kepada semua ini ialah akidah yang sahih, iaitu kepercayaan kepada Allah SWT dan segala yang datang daripada-Nya. Tanpa akidah, manusia mudah hanyut dalam gelombang duniawi, sekaligus menghalang terbentuknya masyarakat madani yang harmoni dan sejahtera.

b) Jatidiri tanpa kekuatan akidah

Pada masa kini, masyarakat dunia sedang berhadapan dengan dilema akibat hambatan nilai-nilai yang telah meruntuhkan akhlak individu dan masyarakat, kesan daripada pengaruh luar

(terutamanya Barat) serta ledakan teknologi maklumat yang sukar dikawal. Umat Islam khususnya semakin terhimpit dengan pelbagai cabaran kehidupan yang mengancam nilai moral dan pegangan hidup mereka. Kepesatan pembangunan dalam aspek ekonomi, sosial, politik, dan agama, ditambah pula dengan kepincangan dalam kalangan pemimpin dan kepimpinan, telah mewujudkan suasana yang tidak seimbang dalam masyarakat dan negara.

Justeru, kelestarian insan tidak hanya bergantung kepada pencapaian material semata-mata, tetapi lebih utama adalah kekuatan akidah yang menjadi tunjang kepada pembentukan peribadi unggul. Dalam konteks pembangunan masyarakat madani, akidah Islam berperanan sebagai asas dalam melahirkan individu yang seimbang dari segi rohani dan jasmani, serta beretika dalam tindakan.

AKIDAH DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT MADANI

Akidah kepada Allah SWT merupakan aspek terpenting dalam kehidupan seorang muslim yang beriman. Tanpa akidah yang sahih, segala amal perbuatan yang dilakukan sepanjang hayat tidak akan membawa erti yang sebenar. Bahkan, di akhirat kelak, mereka yang hidup tanpa akidah akan tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi, sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran. Oleh itu, pentingnya akidah kepada umat Islam menuntut agar ia sentiasa diperkukuhkan dan dipelihara supaya kekal segar dan mekar dalam jiwa.

a) Sirah baginda ﷺ sebagai contoh ikutan

Rasulullah ﷺ selama 13 tahun di Makkah menumpukan kepada pembinaan akidah dalam kalangan para sahabat sebelum melaksanakan syariat secara menyeluruh di Madinah. Ini menunjukkan bahawa akidah adalah asas kepada kejayaan sesebuah masyarakat Islam. Melalui sirah Rasulullah ﷺ, peristiwa hijrah ke Yathrib membawa suatu hikmah besar apabila baginda menukar nama bandar tersebut kepada Madinah. Penukaran nama ini bukan sekadar simbolik, bahkan mencerminkan suatu perubahan menyeluruh dalam pembentukan masyarakat yang berteraskan nilai-nilai Islam. Madinah kemudiannya berjaya direalisasikan oleh Rasulullah ﷺ sebagai sebuah kota yang berperadaban tinggi, menjadi pusat perkembangan Islam yang dihayati dan diamalkan secara menyeluruh oleh penduduknya. Hal ini berterusan hingga terzahirnya Piagam Madinah ketika Nabi ﷺ memulakan negara Islam

pertama. Keimanan dan pemeliharan pemikiran Islam masih segar dan subur dalam pegangan setiap sahabat nabi yang ingin meletakkan diri dalam kandungan dan celupan ajaran agama ini.

Istilah 'Madani' berasal daripada bahasa Arab yang berpunca daripada akar kata '*din*' yang membawa maksud agama. Daripada akar kata ini juga lahir istilah '*madinah*' yang bermaksud bandar, serta istilah '*tamaddun*' yang bermaksud tamadun. Ini menunjukkan bahawa konsep madani dalam perspektif Islam membawa maksud yang amat mendalam; mencakupi hubungan rapat antara agama, kehidupan berbandar dan ketamadunan. Secara tidak langsung, istilah manusia madani dalam Islam merujuk kepada insan yang taat kepada perintah Allah SWT, mengikuti ajaran Rasulullah ﷺ, berperadaban dan beradab serta mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan merangkumi akidah, ibadah, muamalat, akhlak dan urusan sosial (Suhaila Abdullah, 2023).

Dalam hal ini, langkah yang boleh diambil untuk memperkukuhkan akidah ialah dengan menjaga hubungan dengan Allah SWT (*ḥablun min Allah*) serta memelihara hubungan baik sesama manusia (*ḥablun min al-nas*). Kedua-dua aspek ini saling melengkapi dalam membentuk peribadi muslim yang seimbang dan berfungsi sebagai agen pembinaan masyarakat yang beradab dan madani.

Masyarakat madani merujuk kepada masyarakat yang bertamadun; masyarakat yang berlandaskan prinsip syura, keadilan sosial, kesaksaman, hormat-menghormati, tanggungjawab kolektif, integriti moral dan hidup secara harmoni dalam kepelbagaian. Untuk membentuk masyarakat seperti ini, asasnya mestilah bermula dengan akidah yang benar. Akidah melahirkan amanah, keikhlasan, dan tanggungjawab sosial, yang menjadi tiang kepada masyarakat yang sejahtera.

b) Masyarakat madani tunggak kekuatan negara

Konsep masyarakat madani dari perspektif Islam mestilah berasaskan al-Quran dan sunnah, serta dibina di atas landasan ketakwaan kepada Allah SWT. Apabila membicarakan mengenai masyarakat madani, ia bukan semata-mata merujuk kepada masyarakat yang mencapai kemajuan dari sudut fizikal dan kebendaan, tetapi lebih jauh daripada itu, ia merangkumi aspek nilai keimanan, ketakwaan, keluhuran jiwa, darjat kemanusiaan dan keinsanan (Suhaila Abdullah, 2023). Allah SWT dalam firman-Nya:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ۗ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ۚ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksud: *Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasara) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan dari mereka orang-orang yang fasik.* (Surah *Ali-'Imran*, 3:110)

Berpandukan ayat ini, Allah SWT menerangkan tentang ciri-ciri masyarakat Islam yang beriman kepada-Nya, yang boleh dikaitkan secara langsung dengan ciri masyarakat madani. Antara ciri utama yang disebut ialah masyarakat yang diiktiraf sebagai '*khaira ummah*' iaitu umat terbaik yang sentiasa melaksanakan tanggungjawab menyeru kepada kebaikan (*amr ma'ruf*) dan mencegah kemungkaran (*nahi munkar*). Tanggungjawab ini bukan sahaja menjadi tunjang kekuatan masyarakat Islam, bahkan merupakan asas kepada pembentukan masyarakat madani yang holistik dan seimbang.

Oleh yang demikian, masyarakat madani menurut Islam menuntut kepada gabungan antara ilmu, iman dan amal, yang saling melengkapi dalam membentuk peradaban yang seimbang, bukan hanya hebat dari sudut pembangunan, tetapi juga unggul dari aspek rohani, moral dan nilai kemanusiaan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا (70) يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا (71)

Maksud: "*Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat – benar (dalam segala perkara), supaya Ia memberi taufik dan menjadikan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah!) sesiapa yang taat kepada Allah dan rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.*" (Surah *al-Ahzab*, 33:70-71)

Untuk merealisasikan matlamat ini, akidah memainkan peranan penting dalam menyemai nilai-nilai seperti amanah, jujur, toleransi, dan saling menghormati. Tanpa asas

akidah yang teguh, pembangunan fizikal masyarakat akan mudah runtuh akibat kerakusan nafsu dan kepentingan peribadi.

CABARAN KONTEMPORARI TERHADAP AKIDAH

Ketika negara giat dipacu ke arah kemajuan, terdapat juga cabaran yang timbul akibat salah laku dan keruntuhan nilai dalam masyarakat. Justeru, peranan setiap individu amat penting, khususnya dalam membina kesedaran beragama dan semangat kebangsaan. Usaha ini bertujuan menghidupkan semula kekuatan nilai-nilai murni yang perlu diberi penekanan dan dikembangkan secara holistik.

Pembentukan sebuah masyarakat madani yang berteraskan nilai-nilai luhur bukan sahaja dapat memperkukuh jati diri rakyat, bahkan mampu menjulang Malaysia sebagai sebuah negara maju yang seimbang dari segi pemikiran dan kerohanian, serta berpaksikan kepada pegangan akidah, etika dan akhlak yang cemerlang. Antara cabaran besar negara dalam usaha melahirkan masyarakat madani ialah:

1. Rasuah

Perkataan rasuah berasal daripada bahasa Arab *al-risywah*. Menurut al-Fayyumi (1986), *al-risywah* ialah sesuatu yang diberikan oleh seseorang kepada hakim atau pihak tertentu dengan tujuan agar hakim tersebut memberikan kemenangan kepadanya atau membuat keputusan berdasarkan kehendaknya. Manakala Ibn al-Athir (1893) pula menjelaskan bahawa *al-risywah* merupakan sesuatu yang menjadi penghubung kepada pencapaian hajat atau keperluan melalui cara pujukan.

Dari sudut istilah, *al-risywah* merujuk kepada sesuatu pemberian yang bertujuan untuk membatalkan kebenaran atau menegakkan kebatilan (*al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, 1983). Dr. Yusuf al-Qaradhawi (1972) menyatakan bahawa termasuk dalam perbuatan memakan harta orang lain secara batil ialah menerima rasuah. Ia merujuk kepada wang yang diberikan kepada pemerintah atau pegawai supaya mereka menjatuhkan hukuman yang menguntungkan pemberi, merugikan pihak lawan menurut kehendaknya, mendahulukan urusannya, atau menangguhkan sesuatu demi kepentingan tertentu dan sebagainya.

Syed Hussein Alattas (2016) menyatakan bahawa rasuah merupakan penyalahgunaan kepercayaan untuk kepentingan peribadi. Manakala Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) mendefinisikan rasuah sebagai suatu perbuatan sama ada memberi atau menerima sesuatu suapan yang berbentuk wang tunai atau barangan berharga sebagai upah bagi melakukan suatu perbuatan yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas seseorang itu (sprm.gov.my).

Rasuah merupakan satu jenayah moral dan sosial yang amat keji, bukan sahaja dari sudut perundangan, malah dari sudut agama dan akhlak. Dalam usaha membina masyarakat madani yang harmoni dan sejahtera, kelestarian insan iaitu pembangunan manusia yang seimbang dari sudut rohani, intelek, emosi dan jasmani menjadi asas yang penting. Namun begitu, kebejatan rasuah telah menjadi penghalang besar kepada agenda ini. Isu ini bukan semata-mata masalah pentadbiran atau ekonomi, tetapi berpunca daripada keruntuhan akidah dan hilangnya rasa tanggungjawab kepada Allah SWT.

a) Pengkhianatan terhadap nilai insani

Hari ini, pelbagai cara telah digunakan oleh kerajaan mahupun rakyat untuk membicarakan isu rasuah, namun intipatinya tetap tidak lari daripada hakikat bahawa rasuah adalah gambaran terhadap keadaan sesebuah negara. Masalah rasuah bersifat kompleks kerana ia berakar umbi dalam keseluruhan struktur masyarakat. Oleh itu, isu ini perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas, meliputi hubungan dengan pegangan akidah, sistem nilai moral, serta struktur ekonomi masyarakat.

Rasuah merosakkan nilai keadilan, ketelusan dan integriti yang seharusnya menjadi teras dalam setiap sistem masyarakat. Apabila amanah disalahguna demi kepentingan peribadi, kepercayaan antara rakyat dan pemimpin akan terhakis. Rasuah juga melahirkan ketidaksamarataan dalam peluang dan perkhidmatan awam, yang kaya dan berkuasa mendapat keistimewaan manakala yang miskin dan tertindas terus dinafikan hak mereka. Titah DYMM Sultan Nazrin Shah (Anwar Ibrahim, 2023):

> "*Rasuah dikenalpasti sebagai salah satu sebab utama yang membantutkan pertumbuhan ekonomi, menghilangkan minat pelaburan asing, meningkatkan kos pentadbiran dan urus niaga, menidakkan rakyat daripada mendapat perkhidmatan, serta mendorong berlakunya ketidakstabilan politik. Rasuah mengakibatkan pembangunan tidak lestari, pencemaran alam sekitar, pengagihan kekayaan tidak seimbang dan ketirisan khazanah negara.*"

Perbuatan rasuah mencemarkan nilai kemanusiaan dan menjadikan insan itu tidak lagi berfungsi sebagai khalifah yang membawa kebaikan dan keadilan. Maka, insan yang terlibat dengan rasuah sebenarnya sedang meruntuhkan kelestarian dirinya sendiri.

b) Keretakan hubungan dengan Allah SWT

Kegiatan rasuah amat sukar dikesan kerana ia wujud dalam pelbagai bentuk. Kebiasaannya, perhatian hanya diberikan kepada bentuk rasuah yang melibatkan kebendaan seperti wang dan barangan berharga. Namun begitu, rasuah juga berlaku dalam politik dan sosial. Kepelbagaian cara perlakuan ini sering kali menyebabkan masyarakat tidak menyedari bahawa perbuatan mereka termasuk dalam kategori rasuah. Akibatnya, amalan ini terus berakar umbi dalam sistem dan perjalanan sesebuah negara, termasuk Malaysia.

Akidah yang benar membentuk rasa *muraqabah* (kesedaran bahawa Allah sentiasa memerhati), amanah, dan takut akan dosa yang dilakukan. Apabila akidah seseorang lemah, mereka mudah tergoda dengan harta haram dan kuasa yang tidak sah. Al-Quran dengan jelas melarang perbuatan rasuah sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

> Maksud: *"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, pada hal kamu mengetahui.*" (Surah *al-Baqarah*, 2:188)

Sewajarnya, apabila mentadabbur ayat ini, setiap individu muslim hendaklah menjauhkan diri daripada memakan hasil yang haram. Dalam usaha memperkukuhkan akidah, adalah perlu meneladani sirah para *salaf al-ṣaliḥ*, yang menunjukkan keimanan dan ketundukan mereka yang amat tinggi terhadap perintah Allah SWT. Sebagai contoh, ketika turunnya ayat al-Quran berkaitan pengharaman arak (Surah al-Ma'idah, ayat 90–91), para sahabat yang sedang meminum arak atau memegang gelas segera membuangnya tanpa berlengah. Ada dalam kalangan mereka yang telah menelan arak terus menjolok tekak dengan jari untuk memuntahkannya. Manakala mereka yang menyimpan arak di rumah pula segera memecahkan tempayan-tempayan simpanan, sehingga digambarkan bahawa lorong-

lorong di Madinah dibasahi oleh arak yang dibuang. Tindakan ini menunjukkan ketaatan penuh para sahabat terhadap perintah Allah SWT, tanpa sebarang alasan atau penangguhan. Dengan penuh keinsafan, mereka melafazkan:

قَدِ انْتَهَيْنَا يَا رَبَّنَا

Maksud: *"Sesungguhnya kami telah berhenti, wahai Tuhan kami."*

Peristiwa ini menjadi contoh agung bagaimana akidah yang kukuh melahirkan ketaatan mutlak kepada Allah SWT, asas utama dalam membina masyarakat madani yang berlandaskan nilai iman dan ketakwaan.

c) Menjejaskan pembentukan masyarakat Madani.

Dengan berleluasanya budaya rasuah dalam masyarakat, maka institusi negara menjadi lemah dan tidak dipercayai. Secara tidak langsung perkhidmatan kepada rakyat menjadi tidak cekap dan berat sebelah. Hal ini menyaksikan lahirnya jurang ekonomi yang luas dan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat. Maka tidak hairanlah jika generasi muda hari ini melihat sesuatu kejayaan itu melalui jalan pintas, bukannya melalui usaha gigih mahupun merit. Dikhuatiri generasi yang bakal dilahirkan tiada kemahiran, tiada kekuatan mental untuk berdepan dengan tekanan dan kurang berdaya saing. Kemua ini akan menggagalkan pembentukan masyarakat madani yang adil lagi sejahtera.

Rasuah mengikis nilai takwa dan menjauhkan diri daripada keberkatan rezeki. Ia juga menjadikan pelaku lebih cenderung menzalimi orang lain, sekaligus menggugurkan sifat-sifat insan yang mulia. Rasulullah ﷺ mencela mereka yang terlibat dengan rasuah sebagaimana sabda baginda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم الرَّاشِىَ وَالْمُرْتَشِىَ

Maksud: "*Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah."*
(HR Ahmad, 6532, 6778, 6830, Abu Daud, 3582 dan al-Tirmizi,1337)

Ternyata rasuah merupakan penyakit sosial yang berbahaya. Ia membawa pelbagai kesan negatif terhadap sesebuah negara. Sebuah negara yang dahulunya maju, kaya dan makmur boleh menjadi mundur dan miskin akibat rasuah yang tidak dibendung. Bahkan, pemimpin yang dahulunya disanjung tinggi boleh tersisih dan hilang martabat akibat terpalit dengan gejala ini.

Akidah yang kukuh adalah benteng utama untuk melawan budaya rasuah. Individu yang yakin kepada pembalasan Allah SWT, yang sedar akan hakikat halal dan haram, serta yang menghayati sifat ihsan dalam kehidupan, tidak akan tergamak menjual maruah dan kejujuran demi keuntungan sementara.

Oleh itu, pendidikan akidah perlu dijadikan teras dalam pembinaan insan, bukan hanya di sekolah dan masjid, tetapi pada setiap lapisan masyarakat dan institusi negara. Dengan itu, kelestarian insan dapat dipelihara, dan impian membina masyarakat madani yang bersih, adil dan berakhlak tinggi dapat direalisasikan.

2. Ajaran Sesat

Ajaran sesat bukan suatu fenomena baru di Malaysia. Menurut pengertian yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ajaran sesat secara ringkasnya merujuk kepada:

> "*Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ia bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar serta bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah*" (Bahagian Penyelidikan, 1991).

Definisi ini turut diterima pakai oleh Majlis Ulama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Republik Singapura melalui kerjasama MABIMS (Majlis Agama Islam Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura).

Ajaran sesat merupakan suatu permasalahan global yang perlu ditangani oleh setiap lapisan masyarakat secara bersepadu dan berhikmah. Ajaran sesat lahir hasil daripada perancangan rapi musuh-musuh Islam. Tujuan utama kewujudannya adalah untuk merosakkan agama Islam, mewujudkan perpecahan dalam kalangan masyarakat melalui perbezaan dan percanggahan fahaman, mengubah cara pengamalan terhadap syariah Islam, serta menimbulkan keraguan (*syubhah*) dalam agama. Ancaman ajaran sesat ini berakar umbi dalam diri manusia tanpa mengira situasi atau keadaan sesuatu masyarakat.

Dalam kata lain, kesesatan sesuatu ajaran boleh dikenal pasti melalui pola amalan yang bertentangan dengan prinsip akidah dan syariah Islam yang sebenar, sama ada dari segi isi kandungan, bentuk pemikiran mahupun ciri-ciri pelaksanaannya. Hal ini termasuk semua

bentuk ideologi atau fahaman (*isme*) yang menjadi pegangan sebahagian manusia masa kini serta semua ajaran yang membenarkan kemungkaran atau kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti perjudian, arak, perzinaan, pendedahan aurat, pergaulan bebas antara lelaki dan wanita, dan sebagainya, sama ada dilakukan secara terang-terangan mahupun secara tersembunyi (Farahwahida Mohd Yusof, 2007).

Dalam usaha kerajaan Madani meningkatkan kedudukannya ke tahap negara maju dan membawa kehidupan masyarakat ke arah peradaban melalui prinsip masyarakat Madani, masih wujud lagi ajaran sesat serta ekstremisme yang membelenggu pemikiran masyarakat. Antara yang masih berlaku dalam masyarakat Islam di negara ini adalah:

a) Khurafat dalam amalan

Khurafat merupakan amalan yang telah berakar umbi dalam masyarakat melayu di negara ini mahupun di Nusantara. Perkataan khurafat dalam bahasa Arab berasal daripada kata dasar *kharafa*, yang membawa maksud cerita-cerita rekaan, khayalan, atau dongeng yang tidak benar. Khurafat didefinisikan sebagai cerita-cerita yang mempersonakan serta dicampuradukkan dengan perkara dusta (*al-Mu'jam al-Wasit*, 1960).

Amalan-amalan ini sarat dengan istilah yang tidak *warid* dalam al-Quran dan Sunnah atau mengandungi unsur-unsur khurafat dan bidaah yang tidak pernah diajarkan oleh Rasulullah ﷺ, mahupun amalan para sahabat dan pegangan imam-iman mazhab yang empat. Segala jenis khurafat sama ada dalam bentuk amalan mahupun kepercayaan perlu dihapuskan kerana ia boleh mensyirikkan Allah SWT seterusnya bertentangan dengan akidah serta syariat Islam.

b) Taasub kepada tokoh

Perbuatan yang sering berlaku dalam mana-mana ajaran sesat mahupun pergerakan agama adalah taasub kepada guru atau tokoh pimpinan mereka. Hal ini sepertimana yang berlaku kepada Kumpulan Al-Maunah dan pertubuhan Darul Arqam mahupun Rufaqa' Corporation yang kemudiannya dikenali sebagai Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH). Pengkultusan peribadi tokoh nyata menjerumuskan pengikut kepada perkara sia-sia hingga mengorbankan nyawa seperti yang berlaku dalam peristiwa pencerobohan dan rompakan senjata milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Pos 2 Kuala Rui dan Kem 304 Grik, Perak pada 2 Julai 2000 (Zabidi Mohamed, 2003).

Ketaasuban melampau ini menyaksikan pengikut bukan sekadar memberi ketaatan membuta tuli kepada pemimpin tetapi turut mempercayai pemimpin mereka tidak mati dan akan lahir sebagai Imam Mahdi. Mereka terpengaruh dengan janji kebatinan, kekuatan luar biasa, dan ganjaran spiritual yang dibisikan oleh guru mereka. Pengikut juga turut mempercayai bahawa rambut, janggut, darah bekam atau anggota lain pemimpin GISBH mempunyai berkat. Lebih menjijikkan apabila mereka sanggup meminum air rendaman atau air basuhan dari apa-apa yang digunakan oleh pemimpin untuk tujuan yang sama (Sel. P.U.31, 16 Oktober 2024).

c) Mengkafirkan orang lain (Takfiri)

Perkataan *takfiri* dari sudut terminologi diambil dari Bahasa Arab iaitu *takfir* yang berasal daripada kata kerja *kaffara*. Manakala *kaffara* pula merupakan kata berimbuhan daripada kalimah *kafara*, yang menjadi kata nama *kufran* (Ibn Manzur, 1863H).

Takfir atau maksudnya mengkafirkan seorang yang beragama Islam merupakan larangan dalam agama. Bahkan ia bukan amalan para *salaf al-Soleh* dan tidak ada dalam manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perbuatan ini mengundang kepada implikasi jenayah dan mudarat yang lebih besar. Budaya *takfiri* ini amat bahaya dan bakal memporak-perandakan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat Islam. Nabi ﷺ dalam hadis baginda berpesan:

أَيُّمَا رَجُلٍ قَالَ لِأَخِيهِ يَا كَافِرُ، فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدُهُمَا

> Maksud: *"Mana-mana orang yang mengatakan kepada saudaranya: Wahai kafir. Maka jatuhlah (kafir itu) ke atas salah seorang daripadanya.* (HR al-Bukhari, no. 6104 dan Muslim, no.111)

Kesemua bentuk amalan dalam ajaran sesat ini akan merencatkan usaha kerajaan Madani untuk membangunkan modal insan yang merdeka diri dan minda dari belenggu taqlid.

3. Ideologi Sekularisme

Sekularisme merupakan satu fahaman yang memisahkan agama daripada urusan kehidupan dunia, khususnya dalam pentadbiran, pendidikan, dan undang-undang. Ideologi ini muncul secara dominan di Barat hasil konflik sejarah antara gereja dan sains. Dalam konteks dunia Islam, kemasukan fahaman ini membawa kesan langsung terhadap penghayatan dan

pemerkasaan akidah umat Islam, seterusnya memberi cabaran besar terhadap pembinaan masyarakat madani yang berteraskan tauhid, akhlak dan keadilan.

Menurut Oxford Dictionary (2024), sekularisme berasal daripada perkataan Latin *saeculum* yang bermaksud "zaman ini" atau "kehidupan dunia sekarang". Dalam konteks moden, ia membawa maksud penolakan campur tangan agama dalam urusan awam.

Berdasarkan beberapa pengertian yang telah dikemukakan, jelas bahawa fahaman sekularisme tidak pernah wujud dalam warisan pemikiran Islam. Pembahagian kehidupan kepada urusan agama dan bukan agama adalah asing dalam sistem Islam. Islam merupakan satu cara hidup yang lengkap (*syumul*), merangkumi setiap aspek kehidupan manusia sama ada dalam hal akidah, ibadah, perundangan, muamalat, akhlak dan sebagainya. Maka, sekularisme sama sekali tidak diiktiraf sebagai sebahagian daripada ajaran Islam. Justeru, umat Islam wajib menyucikan ajaran ini daripada segala bentuk penyelewengan dan pentakwilan yang dilakukan oleh golongan yang jahil atau berkepentingan.

Ramai sarjana muslim berpendapat bahawa penjajahan pemikiran merupakan antara faktor utama kejayaan penjajah dalam usaha melemahkan asas kepercayaan umat Islam. Walaupun jasad umat Islam dikatakan telah merdeka, namun jiwa dan pemikiran mereka masih dibelenggu oleh warisan pemikiran penjajah. Inilah cabaran besar yang perlu ditangani bagi memastikan akidah umat Islam terus utuh, dan tidak terhakis oleh arus sekularisme yang merosakkan.

a) Menghakis nilai keimanan dan keinsanan

Kejahilan dan faham keduniaan tanpa menghubungkan persoalan di dunia dengan akhirat merupakan satu gejala penggugat keimanan. Agama dan pembentukan jati diri insan sekadar urusan peribadi, tiada kaitan dengan agama. Dalam kata lain, melihat agama sebagai hal ibadah bersifat ritual semata-mata. Bahkan manusia bebas menentukan nilai dan hukum tanpa merujuk sumber al-Quran dan hadis. Akhirnya melahirkan generasi yang keliru antara kebebasan mutlak dengan tanggungjawab syarak contohnya menutup aurat dan memelihara prinsip agama dalam menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Mewujudkan relativisme moral yang bertentangan dengan konsep halal dan haram dalam Islam hingga lahirnya krisis identiti dalam setiap generasi. Sesungguhnya Allah SWT telah memberi peringatan sebagaimana firman-Nya:

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Maksud: "*Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliah? Pada hal – kepada orang-orang yang penuh keyakinan – tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah.*" (Surah *al-Ma'idah*, 5:50)

Hal seumpama ini sekaligus akan melahirkan masyarakat individualistik yang hanya mementingkan diri sendiri, longgar pegangan akidah, sukar menerima pandangan dari mereka yang berbeza pandangan dengannya lantas mengasingkan diri dan hidup dalam kelompok tersendiri yang nyata jauh dari matlamat masyarakat madani.

b) Penekanan kepada budaya hedonisme

Peradaban yang dibentuk berasaskan kerangka pandangan alam sekular cenderung mentafsirkan makna insan hanya dari sudut jasmaniah dan kebendaan semata-mata. Hasilnya, pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan lebih banyak memberi penekanan kepada aspek kebendaan sebagai ukuran utama kemaslahatan insan.

Dalam kerangka ini, pengaruh hedonisme turut mendominasi pelbagai aktiviti kehidupan. Ia menggambarkan seolah-olah segala usaha, sumber dan tenaga hanya difokuskan untuk membina sistem serta mekanisme yang menyokong kepuasan material dan keseronokan duniawi semata-mata, tanpa memberi pertimbangan yang seimbang terhadap nilai-nilai rohani, akhlak dan ketuhanan.

Sekularisme merupakan cabaran besar kepada usaha memperkasakan akidah dan membina masyarakat madani yang berteraskan tauhid dan nilai Rabbani. Umat Islam perlu kembali kepada kefahaman Islam yang syumul, mengangkat peranan wahyu dalam kehidupan, dan menolak sebarang fahaman yang memisahkan agama daripada realiti hidup. Inilah jalan untuk melahirkan insan yang sejahtera dan masyarakat yang madani dalam erti kata sebenar.

4. Teknologi dan media

Kemajuan teknologi dan perkembangan media digital hari ini menjadi fenomena besar yang mengubah gaya hidup, pemikiran dan nilai masyarakat. Walaupun teknologi membawa banyak manfaat dalam bidang pendidikan, komunikasi, dan pembangunan ekonomi, namun

penggunaannya tanpa kawalan dan panduan akidah yang kukuh mampu membawa kerosakan besar kepada jiwa, akhlak dan sistem sosial umat Islam khususnya generasi muda. Kekeliruan identiti, pengaruh ideologi asing, fahaman liberalisme, relativisme moral serta maklumat yang tidak ditapis boleh melemahkan kefahaman dan keyakinan terhadap Islam. Nilai akidah mula dipersoalkan, dan pegangan agama menjadi semakin longgar. Antara cabaran terhadap akidah dalam usaha melestarikan insan ke arah pembentukan masyarakat madani:

a) Kecenderungan mempromosi kehidupan tidak bermoral

Setiap manusia sentiasa berusaha untuk memenuhi keinginannya yang pelbagai bahkan sering didorong untuk mencuba sesuatu yang baharu. Dewasa ini kehidupan manusia telah didedahkan dengan pelbagai kecanggihan teknologi maklumat dan media. Media sosial seperti TikTok, Instagram, YouTube dan pelbagai platform penstriman telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian, khususnya generasi muda. Tanpa penapisan yang berteraskan nilai Islam, media sering mempromosikan gaya hidup hedonistik, materialistik dan liberal. Secara tidak langsung menormalisasikan kelakuan tidak bermoral dan bertentangan dengan syariat. Hal ini melemahkan sensitiviti terhadap dosa dan pahala hingga mendorong sebahagian masyarakat untuk turut terjebak dalam melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

> Maksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka.*" (Surah *al-Tahrim*, 66:6)

Ayat di atas mengingatkan manusia akan tanggungjawab memelihara diri dan ahli keluarga daripada unsur yang boleh merosakkan iman, termasuk pengaruh media. Penggunaan media dan teknologi ini jika tidak dilandaskan dengan akidah yang kukuh, dikhuatiri umat Islam akan terus terjebak dalam krisis identiti dan moral yang berpanjangan.

b) Penularan anti ketuhanan dalam kandungan media sosial

Kebanyakan masyarakat Islam terutamanya golongan remaja semakin terpengaruh dengan konten yang melalaikan di media sosial hingga hilang minat kepada ilmu dan semakin jauh dari nilai agama. Mereka berlumba-lumba mengangkat budaya selebriti yang mengidolakan manusia melebihi Allah dan Rasul. Mereka turut menyemai fahaman relativisme moral apabila benar dan salah ditentukan oleh perasaan, bukannya berpaksikan wahyu. Tanpa

mereka sedari, mereka merupakan agen yang menyebarkan ideologi songsang seperti sekularisme, liberalisme agama, feminis radikal, dan ateisme digital. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

> Maksud: "*Dan janganlah kamu mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.*" (Surah *al-Isra'*, 17:36)

Ayat ini mengingatkan umat Islam agar tidak menerima maklumat dan terpengaruh dengan apa yang sampai kepada mereka tanpa diselidiki terlebih dahulu. Dalam konteks ini, akidah yang mantap berfungsi sebagai 'penapis' akhlak dan pemikiran. Akidah tauhid mendorong manusia menjadikan Allah sebagai pusat nilai dan neraca penilaian. Seharusnya umat Islam melihat teknologi sebagai alat, bukannya matlamat yang ingin dicapai dalam hidup. Penggunaan media hanyalah sebagai alat untuk menyebarkan ilmu, dakwah dan nilai-nilai murni.

Teknologi dan media bukanlah musuh kepada Islam, tetapi ia menjadi ujian kepada kekuatan akidah umat. Tanpa asas akidah yang kukuh, umat mudah hanyut dalam arus maklumat dan hiburan yang menyesatkan. Oleh yang demikian, pemerkasaan akidah dalam kalangan masyarakat adalah syarat utama bagi melahirkan insan rabbani dan masyarakat madani yang seimbang dari sudut rohani dan pembangunan.

STRATEGI PEMERKASAAN AKIDAH SEBAGAI TERAS KELESTARIAN INSAN

Dalam memperkasakan akidah bagi menghadapi cabaran yang sedia ada, beberapa strategi diperlukan bagi memastikan matlamat melestarikan insan menuju masyarakat madani berjaya dilaksanakan. Antaranya:

1. Pendidikan Berterusan

Pendidikan adalah tunjang kepada pembentukan jati diri insan. Dalam konteks masyarakat madani, pendidikan akidah dan kurikulum yang mengintegrasikan ilmu akidah dengan isu semasa perlu dikembangkan secara berterusan bahkan relevan dengan perkembangan zaman.

Sistem pendidikan yang statik dan terpisah daripada realiti semasa akan menjadikan penghayatan akidah bersifat teori semata-mata, tanpa roh praktikal. Sebagai contoh, sudah sampai masanya kerajaan membangunkan modul integrasi akidah dalam subjek STEM dan kemanusiaan bagi memastikan generasi akan datang bukan sahaja mampu menjawab soalan asas akidah secara teori tetapi mereka juga mampu mengaplikasikan nilai akidah dalam menangani isu-isu kontemporari seperti keruntuhan akal mahupun dalam konteks penggunaaan kecerdasan buatan atau AI (*Artificial Intelligence*) dan media sosial.

2. Mempromosi tokoh masyarakat berakhlak tinggi yang berpaksikan akidah

Memperkukuh akidah melalui contoh teladan. Dalam masyarakat madani, kehadiran individu yang menjadi *qudwah hasanah* (teladan yang baik) akan mendorong masyarakat terutama anak muda untuk meniru sifat-sifat terpuji yang lahir hasil daripada akidah yang mantap lagi sejahtera. Hal ini telah ditunjukkan oleh baginda Rasulullah ﷺ sendiri sebagai contoh ikutan utama sebagaimana firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

> Maksud: "*Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagimu.*" (Surah *al-Ahzab*, 33:21)

Salah satu cara yang boleh dilakukan dengan mengadakan kempen "Selebriti Bertauhid" untuk menggalakkan artis dan pempengaruh muslim menunjukkan identiti muslim secara positif dan tidak apologetik. Selain meneruskan program menjemput tokoh berpengaruh untuk sesi perkongsian dalam komuniti dan mempromosikan kisah tokoh-tokoh dalam silibus, media sosial dan program motivasi sekolah.

3. Memanfaatkan media sosial dan platform digital

Dalam era digital, maklumat tersebar dengan pantas. Jika ruang media Islam tidak diisi, maka ia akan diambil alih oleh ideologi lain yang melemahkan akidah. Oleh itu, dakwah perlu bergerak aktif melalui media sosial, aplikasi, video pendek dan platform interaktif lain untuk menyampaikan ajaran akidah yang bersesuaian dengan kehendak semasa.

Program sedia ada seperti penciptaan animasi dan komik dakwah yang sesuai untuk kanak-kanak dan remaja seperti "Omar & Hana", "The Sunnah Guy" atau "OnePath Network" serta seumpananya perlu dikekalkan dan diperbanyakan lagi. Begitu juga aplikasi Islamik dan program Youtube dan podcast Islamik. Justeru, sokongan dana dan infrastuktur

daripada kerajaan dengan kerjasama pihak swasta diperlukan untuk *startup* media Islam. Selain menjalankan memperbanyakkan latihan penghasilan kandungan media Islam kepada para pendakwah dan pelajar institusi agama.

4. Dialog Inklusif

Menganjurkan wacana ilmu dan ceramah yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat bagi membina kefahaman yang harmoni serta menyuburkan sikap toleransi dalam kehidupan bermasyarakat. Sebahagian manusia menyangka bahawa membenarkan segala pendapat dan pemikiran daripada pelbagai golongan, walaupun bertentangan dengan Islam, adalah suatu bentuk toleransi.

Hakikatnya, itu bukanlah toleransi yang sebenar. Toleransi dalam Islam bermaksud membenarkan dan berpegang teguh kepada ajaran Islam, namun dalam masa yang sama tidak memaksa orang lain untuk memeluk Islam, apatah lagi menghalang mereka daripada mengamalkan kepercayaan masing-masing. Islam sama sekali melarang perbuatan menyakiti, menghina atau menghukum mereka dengan sebarang bentuk kekerasan. Firman Allah SWT:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

Maksud: *Tidak ada paksaan dalam agama (Islam).* (Surah *al-Baqarah*, 2:256)

Dalam rangka memperkasakan akidah sebagai pemangkin masyarakat madani, usaha berterusan diperlukan bagi membangunkan modal insan rabbani. Insan rabbani ialah insan yang mengenal Allah, menyintai syariat-Nya, serta menjadikan kehidupan sebagai ibadah. Apabila insan rabbani menjadi komponen masyarakat, maka akan lahirlah masyarakat yang berilmu, beretika, dan berdaya tahan. Allah SWT berfirman:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ

وَلَٰكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

Maksud: *"Tidak patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya kitab agama, dan hikmah, serta pangkat nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan penyembahan Allah." Tetapi (yang sepatutnya kenalah ia berkata): "Hendaklah kamu*

> *menjadi orang-orang "rabbaniyyin" (yang menyembah Allah semata-mata dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.* (Surah *Ali 'Imran*, 3:79)

KESIMPULAN

Kelestarian insan tidak mungkin tercapai tanpa asas akidah yang kukuh. Akidah bukan sahaja menjadi sumber kekuatan rohani tetapi juga menjadi panduan dalam membentuk masyarakat madani yang adil dan sejahtera. Maka, menjadi tanggungjawab bersama untuk memelihara, memperkukuh dan menghidupkan nilai-nilai akidah dalam kehidupan seharian, demi masa depan ummah yang lebih cemerlang. Pemerkasaan akidah bukanlah pilihan tetapi satu keperluan dalam membina manusia dan masyarakat yang seimbang serta maju dari sudut rohani, moral dan sosial. Tanpa asas akidah, segala bentuk pembangunan akan rapuh dan tidak lestari. Maka, pendidikan akidah yang sahih perlu diarusperdanakan demi melahirkan insan berkualiti dan masyarakat madani yang diredai Allah SWT.

Setiap individu muslim tidak akan kekal selama-lamanya, namun umat Islam boleh terus wujud sepanjang zaman dengan syarat memiliki keutuhan akidah serta keupayaan yang sesuai dalam setiap peringkat masa bagi memindahkan khazanah tamadun kepada generasi seterusnya. Proses pemindahan ini perlu berlaku secara berterusan dalam setiap peralihan generasi. Hal ini amat penting bagi memastikan kelestarian insan selaras dengan pembentukan masyarakat madani yang sejahtera, aman dan berperadaban tinggi. Nilai-nilai inilah yang harus dihidupkan dan ia tidak mungkin wujud kecuali manusia kembali berpegang teguh kepada akidah, syariat dan akhlak Islam.

Pembentukan Malaysia MADANI menuntut kepada usaha bersepadu dalam memperkasakan diri secara menyeluruh merangkumi aspek akidah, akhlak, ilmu, pengabdian kepada Allah dan tanggungjawab sosial. Hanya dengan insan yang beriman, berkualiti, berilmu, dan berakhlak mampu menyerlahkan masyarakat madani yang adil, progresif dan sejahtera.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas segala sokongan, kemudahan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang penulisan ini dijalankan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFiRST), UTM yang telah menyediakan bimbingan kesepakaran serta bantuan sumber yang amat bermakna dalam memastikan kelancaran dan kejayaan penghasilan artikel ini. Segala kerjasama dan sokongan yang diberikan amat dihargai dan menjadi pemangkin kepada usaha penulisan ilmiah yang berterusan.

RUJUKAN

Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali al-Muqri al-Fayyūmi (t.th.), *al-Miṣbāḥ al-Munir*, 2 juzuk. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.

Ahmad ibn Muhammad Fayyumi (1986). *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kabir*. Al-Maktabah al-‘Ilmiyah.

Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad (1990), *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, t. c., Beyrūt: Dār al-Ma‘rifah.

Anwar Ibrahim (2023). *Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Cet. Keempat. Selangor: Institut Darul Ehsan.

Bahagian Penyelidikan, (1991), *Mengenal Ajaran Sesat di Malaysia*, Kertas Kerja di Pusat Islam Malaysia, 3 September 1991.

Farahwahida Mohd Yusof (2007). *Aliran Kepercayaan: Sejarah & Perkembangannya Di Malaysia.* Penerbit UTM.

Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad (1893). *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athr*. Digital Library. Rujuk: https://archive.org/details/alnihayahfighari12ibna/page/n1/mode/1up

Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Dīn Muhammad ibn Mukram al-Afriqi al-Misri (1863H). *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dar Ṣadir.

Ibrahim Mustafa, Ahmad Hassan Zayyat, Hamid Abdul Qadir, dan Mohamad Ali Najjar (1960). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Kementerian Waqaf dan Urusan Agama Kuwait (1983). *al-Mausu ‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Cet. 2. Kuwait: Kementerian Waqaf dan Urusan Agama.

Muhammad Khalil Haras (1407H), *Sharh al-‘Aqidah al-Wasitiyyah*, Riyad: Ri’asah al-‘Ammah li Idarah al-Buhuth.

Oxford English Dictionary (2024). Oxford University Press.

Sayid Sabiq (1974), A*l-‘Aqa’id al-Islamiyyah*. Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah.

Suhaila Abdullah (2023). ‘Masyarakat Madani Berteraskan Akhlak Islam’ dalam *Dewan Tamadun Islam*. Lihat Jendela DBP https://dewantamadunislam.jendeladbp.my/2023/03/13/5334/ diakses pada 2 Mei 2025

Syed Hussein Alattas (2016) *Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi*. Cet. Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Warta Kerajaan. Sel. P.U.31. 16hb Oktober 2024. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Fatwa di Bawah Seksyen 47.

Yusuf al-Qaradhawi (1972). *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Al-Maktab al-Islami.

Zabidi Mohamed (2003). *Maunah Kebenaran Yang Sebenar*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Zabidi Publication.

Zayn al-Din Muhammad bin Abu Bakr bin ‘Abd al-Qadir al-Razi (1982), *Mukhtar al-Sihah*, tahkik Hamzah Fath Allah, Beirut: Mu’asasah al-Risalah.

Zulkifli Muhammad al-Bakri (2019). ‘Al-Kafi #1237: Rasuah Sudah Menjadi Budaya Rakyat Malaysia?’.Rujuk https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3339-al-kafi-1237 diakses pada 1 Mei 2025